

# XPRESI TERUS DISERBU

**Kemeriahian** Karnival Xpresi Gen Y terus dirasai apabila bilangan pelajar yang hadir semakin bertambah berbanding lokasi pertama.

Dalam siri jelajahnya di lokasi kedua iaitu Universiti Putra Malaysia (UPM), Serdang pada Rabu lalu, lebih 1,000 pelajar hadir menyemarakkan suasana apabila 'booth' Gen.Y dan Coca-Cola 'diserang' sejak awal pagi.

Pencarian Ejen Gen Y berjaya menarik perhatian pelajar apabila krew Gen Y tak henti-henti diajukan pelbagai soalan selain mereka merebut hadiah wang tunai yang sebagai ganjaran kempen 'Chup! Coca-Cola. Refreshlah together-gether'.

Respon positif yang diterima membuktikan karnival ini mencapai

objektifnya dalam memperkenalkan sisipan Gen Y khusus dalam kalangan anak muda yang menuntut di institusi pengajian tinggi.

Pelajar, Nurul Farah Che Md Heir, 21, meluahkan rasa bangga apabila UPM terpilih sebagai lokasi karnival selain mengakui ia pendekatan terbaik untuk mendekati warga kampus.

"Selain bertukar pendapat mengenai isu remaja, kami juga berpeluang beramah mesra dengan selebriti terkenal tanah air dan penceramah profesional dalam industri. Ia antara daya penarik karnival ini," katanya.

Kehadiran selebriti terkenal tanah air, Neelofa Md Nor sebagai salah seorang panel penceramah nyata menyemarakkan lagi suasana apabila pelajar yang bukan saja dari Fakulti Komunikasi dan Bahasa Moden turut mengikuti sesi ceramah diadakan.

Sokongan anda, warga UPM, amat kami hargai. Terima kasih!



## Suarakan di Facebook Gen.Y

Pembaca, geng dan rakan Gen.Y, jangan lupa untuk melayari laman Facebook Gen.Y ([www.facebook.com/GenY.HM](http://www.facebook.com/GenY.HM)) dan like FB kami!

Pelbagai isu, aktiviti dan perkara menarik boleh kita kongsi bersama.

Jangan malu untuk luahkan sebarang pendapat, cadangan atau pertanyaan anda kepada kami!